



TEKS UCAPAN
YB DATO' SERI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA

MAJLIS PERASMIAN
PEMBUKAAN JAJARAN
PROJEK CENTRAL SPINE ROAD,
SEKYSEN 3H (SKOP TAMBAHAN): KG. KECHUR KE KG.
SEBERANG JELAI, PAHANG

PADA 15 DISEMBER 2016, KHAMIS

Terima kasih saudara pengacara majlis

Ahli-ahli Yang Berhormat

Dif-dif kehormat

Pegawai-pegawai kanan Jabatan Kerajaan

Wakil-wakil media massa

YBhg Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

1. Alhamdulillah, bersyukur kepada hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan segala rahmatNya, dapat kita semua berkumpul bagi meraikan majlis pembukaan jajaran Projek Central Spine Road, Seksyen 3H skop tambahan dari Kg. Kechur ke Kg. Seberang Jelai, Pahang. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua tetamu yang dapat hadir bersama-sama bagi memeriahkan lagi majlis pada hari ini.

Hadirin yang dihormati,

2. Dalam *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak RM247 juta untuk membiayai projek infrastruktur jalan dan jambatan di Negeri Pahang. Peruntukan ini merupakan sebahagian daripada komitmen Kerajaan untuk menyediakan infrastruktur bermutu tinggi kepada seluruh rakyat terutamanya kepada penduduk di kawasan pantai Timur Semenanjung Malaysia.

3. Salah satu projek infrastruktur berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan di Negeri Pahang ialah Projek Central Spine Road dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 350km dengan kos keseluruhan sebanyak RM6.6 bilion. Selaras dengan keperluan aspek keselamatan dan aspek kesesakan lalu lintas semasa, pelaksanaan projek ini telah dilaksanakan secara berperingkat bermula Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dengan keutamaan pelaksanaan di sepanjang jajaran dari Mentara ke Kg. Seberang Jelai, Pahang sepanjang 61.15km dan Bentong Bypass, Pahang sepanjang 28.5km dengan kos yang telah diluluskan sebanyak RM2.007 bilion.

Sebahagian jajaran tersebut iaitu dari Kg. Kubang Rusa ke Kg. Seberang Jelai, Pahang sepanjang 41.35km telah pun siap termasuk di Seksyen 3H skop tambahan iaitu dari Kg. Kechur ke Kg. Seberang Jelai sepanjang 3.85km yang telah dimulakan pada 8 Oktober 2014 dan baru sahaja disiapkan pada 7 Oktober 2016 serta akan dibuka secara rasminya sebentar lagi.

4. Skop kerja yang dilaksanakan bagi projek dengan kos pembinaan sebanyak RM59.5 juta ini ialah membina jalan baru 4 lorong 2 hala sepanjang 3.85km iaitu 3.05km adalah menggunakan teknologi *Continuously Reinforced Concrete Pavement (CRCP)*, membina sebuah jambatan, 2 *vehicular box culvert* dan 1 *smart vehicular box culvert*.

Hadirin sekalian,

5. Jabatan Kerja Raya telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan Projek Central Spine Road dengan menggunakan CRCP sepanjang 7.5km di jajaran Seksyen 3H skop asal dan 3.05km di jajaran Seksyen 3H skop tambahan. Projek ini merupakan projek kedua di Malaysia yang menggunakan kaedah CRCP selepas projek pertama di Lebuhraya Utara – Selatan iaitu di Bahagian Perak pada tahun 1990.

6. Inisiatif untuk menggunakan kaedah CRCP adalah bagi meningkatkan peratus pencapaian penggunaan turapan konkrit dalam industri pembinaan negara serta mengurangkan kos penyenggaraan jalan dalam tempoh jangka panjang. Berdasarkan kajian terhadap penggunaan turapan konkrit dalam pembinaan jalan, didapati bahawa ketahanan jalan konkrit adalah lebih tinggi iaitu bagi tempoh 20 hingga 40 tahun serta mampu bertahan dalam cuaca yang tidak menentu

berbanding ketahanan turapan *asphalt* bagi tempoh 7 hingga 8 tahun sahaja. Walau pun *initial cost* bagi penggunaan turapan konkrit ini adalah lebih tinggi iaitu pada kadar RM230 hingga RM250 per m² berbanding turapan *asphalt* pada kadar RM120 hingga RM150 per m², kos penyenggaraan dapat dikurangkan memandangkan tiada kos *resurfacing* seperti yang diperlukan oleh turapan *asphalt* dengan anggaran kos sebanyak RM245 ribu per km selepas 7 hingga 8 tahun. Selain itu, turapan konkrit juga dapat memberikan ciri-ciri keselamatan jalan yang lebih baik terutamanya pada musim hujan serta dapat menjimatkan penggunaan bahan api sehingga 20% bagi kenderaan berat.

7. Selain telah berjaya menggunakan teknologi CRCP, pembinaan Projek Central Spine Road, Seksyen 3H skop tambahan juga telah selesai pengauditan oleh Jabatan Audit Negara pada tahun 2016 dan didapati bahawa pengurusan projek ini adalah baik serta cekap. Antaranya ialah pembinaan telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, prestasi kewangan kontrak yang baik dan bayaran bagi pampasan tanah serta perunding adalah teratur. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pihak JKR, perunding, kontraktor dan semua pihak yang terlibat kerana telah melaksanakan projek ini dengan jayanya. Adalah wajar bagi projek cemerlang seperti ini untuk dijadikan contoh *best practices* dalam pelaksanaan projek-projek pembinaan lain oleh pihak JKR.

8. Seperti para hadirin sedia maklum, Jalan Persekutuan FT08 sedia ada merupakan jalan utama dari Bentong, Pahang ke Kota Bharu, Kelantan dengan kepadatan trafik yang tinggi terutamanya pada musim perayaan. Sehubungan itu, Projek Central Spine Road merupakan

lalu alternatif yang lebih selesa dan selamat bagi pengguna yang ingin menuju ke Pahang dan Kelantan menerusi Gua Musang apabila siap sepenuhnya kelak. Projek berimpak tinggi ini juga sudah tentu akan melengkapkan lagi peta pembangunan infrastruktur di Negeri Pahang serta menjadi pemangkin pembangunan ekonomi di sepanjang koridor Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

9. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis pada hari ini. Akhir kata, dengan lafaz Bismillah hirrahman nirrahim, saya merasmikan pembukaan Projek Central Spine Road, Seksyen 3H skop tambahan dari Kg. Kechur ke Kg. Seberang Jelai.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

Sekian, terima kasih.